

Ambil Kira Pandangan Luar Sebelum Pilih Kepimpinan Umno - Dr Mahathir Bernama
30 Sept, 2013

PELABUHAN KLANG, 30 Sept (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menyarankan anggota perwakilan Umno mengambil kira pandangan dan pendapat individu yang bukan dari kalangan parti dalam memilih barisan kepimpinan parti itu bulan depan.

Beliau berkata jika perwakilan hanya melihat kepada kepentingan Umno ketika membuat pemilihan, besar kemungkinan mereka membuat pilihan yang salah.

"Ahli-ahli Umno yang berkuasa tentukan siapa jadi pemimpin, (oleh itu) perlu ambil kira pendapat orang di luar Umno.

"Kalau mereka cuma nampak kepentingan Umno sahaja, besar kemungkinan mereka membuat pilihan salah dan ini mungkin menyebabkan Umno dan Barisan Nasional (BN) kalah dalam pilihan raya umum akan datang," katanya kepada pemberita selepas melancarkan pelayaran sulung kapal pengangkut kenderaan MV Arca Emerald di Northport hari ini.

Turut hadir Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas keluhan calon yang bertanding pada pemilihan Umno kali ini yang mahu syarat serta peraturan kempen dikaji semula kerana didakwa terlalu ketat.

Selain syarat dan peraturan itu, ada yang meminta supaya setiap calon yang bertanding sama ada di peringkat Umno pusat atau perhubungan negeri dibenar memperkenalkan diri kepada perwakilan.

Umno bakal menggunakan sistem baharu pada pemilihan barisan kepimpinan parti tunjang Barisan Nasional (BN) itu, yang melibatkan 146,000 perwakilan.

Mesyuarat perwakilan dan pemilihan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno Bahagian serta pemilihan Exco sayap pusat diadakan serentak pada 12 Okt.

Mesyuarat perwakilan dan pemilihan di peringkat Bahagian dan MT diadakan serentak pada 19 Okt.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=981847>